

FPP BizNewz

Jan - May 2023

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

BUKIT MERAH
"THE RED FOREST"
PERMATA TERSEMBUNYI DI JERANTUT

TOXIC FRIENDSHIP
WHEN IT'S TIME TO LET GO

GRADUATES
WHO ARE THE URBAN POOR

ARROWS OF THE FAITHFUL
THE IMPORTANCE OF ARCHERY IN ISLAM

**TWIN-TO-TWIN TRANSFUSION
SYNDROME (TTTS)**



Publication Date
1 June 2023

PASARA BON DAN SU DI MALAY

Secara amnya, bon membawa maksud satu surat jaminan di mana syarikat penerbit atau bond issuer membeli jaminan kepada pemegang bon atau bond holder bagi membayar faedah secara berkala sehingga tarikh matang bon. Apabila tarikh tempoh matangnya, pemegang bon akan mendapat bayaran pokok. Bagi bon yang mengikut prinsip syariah, ia lebih dikenali sebagai sukuk. Sukuk didefinisikan sebagai sijil perjanjian secara Islam atau sekuriti hutang secara Islam.

AN KUK SIA

Oleh:

A'fiqah Rashidah Abu Samah¹

Nur Aqilah Mohamad Nasruddin¹

Roseziahazni Abdul Ghani¹

Zuralda Mohamad¹

Nor Akila Mohd Kassim²

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor

Email koresponden: aqilahnasruddin02@gmail.com

Pasaran Ben Islamik atau Pasaran Sukuk diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1993. Malaysia merupakan negara pertama yang mengeluarkan Ben Kerajaan mengikut prinsip syariah. Faktor utama yang membawa kepada pengedaran Pasaran Ben Islamik di Malaysia adalah kewujudan perbankan Islam. Bagi mendapatkan modal dan memenuhi syarat keadaan modal mengikut prinsip syariah, Bank Negara Malaysia (BNM) memperkenalkan pasaran ini. Pada waktu itu, hanya terdapat Pasaran Ben Konvensional yang diarahkan oleh Islam. Hal ini kerana ben konvensional mengandungi unsur riba. Bukan itu sahaja, terdapat kontroversi bahawa ben konvensional ini terlibat dalam industri penghasilan rokok dan penjualan alkohol yang jelas adalah haram di Islam.

Pasaran Sukuk membolehkan pelabur muslim membeli ben yang penuh syarikat tanpa khilafah status halalanya. Kerajaan Malaysia telah menerbitkan ben kerajaan melalui BNM yang dikenali

sebagai 'Sij' Perabuan Kerajaan (SPK). Penerima SPK menggunakan konsep Qard al-Haqq. Konsep ini menganggap pembelian oleh orang awam sebagai satu pinjaman yang digunakan kerajaan dalam membelanjakan pembangunan Malaysia.

Antara peristiwa penting dalam sejarah perkembangan Pasaran Sukuk di Malaysia adalah pada tahun 1993. Pada Mei 1993, Cagamas Berhad telah melancarkan Ben Muharabah Cagamas atau nama ringkasnya, Sekuriti Hartan Swasta Tanpa Riba. Ben Cagamas ini mengaplikasikan konsep Muharabah. Muharabah adalah perjanjian antara dua pihak, iaitu penyumbang modal dan pengusaha dimana dua pihak ini beruju dengan nisbah berkongsi keuntungan. Melalui konsep ini, Cagamas Berhad boleh mendapatkan modal untuk mencapai objektifnya. Tujuan ben ini diterbitkan adalah untuk memperkenalkan pasaran peringkat kedua bagi pinjaman utama, terutamanya pinjaman perumahan

Cagamas Berhad menjadi pengantara antara pemberi pinjaman utama dan pelabur. Dengan kata lain, Cagamas Berhad membeli pinjaman perumahan yang belum dijelaskan daripada pihak bank atau institusi kewangan, dan pada masa yang sama, bon Cagamas dijual untuk membiayai pembelian tersebut.

Kini, Pasaran Bon dalam Islam telah berkembang dengan pesat dalam sistem kewangan Islam. Bursa Malaysia juga mengambil inisiatif dalam menggalakkan rakyat Malaysia, terutamanya warga Bumiputera untuk melibatkan diri dalam pasaran saham. Daripada segi Pasaran Sukuk, Bursa Malaysia telah memperkenalkan Bon Didagangkan Bursa dan Sukuk atau dalam bahasa Inggeris, Exchange Traded Bonds & Sukuk (ETBS). ETBS membawa maksud sekuriti pendapatan tetap yang disenaraikan dan didagangkan di pasaran saham Malaysia. Ia diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia atau syarikat-syarikat bagi pengumpulan modal untuk keperluan masing-masing. Dalam pelaburan ETBS, pelabur mestilah membeli sebanyak sepuluh (10) unit iaitu lot minimum. Setiap unit ETBS dijual dengan harga prinsipal Seratus Ringgit Malaysia (RM100). Dengan itu, kos lot minimum ETBS adalah Seribu Ringgit Malaysia (RM1,000).

Pelaburan dalam ETBS membawa banyak kelebihan dan kebaikan. Antaranya adalah daripada segi kemudahan dan fleksibiliti pelaburan. Hal ini kerana, ETBS diuruskan oleh Bursa Malaysia yang memudahkan urusan jual beli ETBS. Daripada segi ketelusan, pelabur dapat mengakses harga semasa dengan tepat kerana ETBS dipantau oleh Bursa Malaysia. Hal ini juga membenarkan pelabur menerima maklumat terkini dan memantau pelaburan mereka. Seterusnya, daripada segi kepelbagaian, di mana portfolio boleh dipelbagaikan dengan melabur di dalam ETBS bagi tujuan melengkapkan portfolio pelaburan yang terdiri daripada kelas aset yang lain. Akhir sekali, daripada segi sumber pendapatan tambahan. Pelaburan dalam ETBS membolehkan pelabur mendapat bayaran kupon secara tetap yang dapat

dijadikan sumber pendapatan tambahan.

Kesimpulannya, penerbitan Bon Islam atau Sukuk ialah komponen yang mempunyai nilai tertinggi dalam pasaran modal Islam di Malaysia. Pada masa kini, Malaysia mengekalkan kedudukan pertamanya sebagai negara yang mempunyai Pasaran Sukuk terbesar di dunia. Bukan itu sahaja, industri perbankan Islam di Malaysia juga adalah sektor yang paling maju di dunia. Dengan ini, dunia luar dapat melihat kesungguhan Malaysia dalam memperluaskan Pasaran Sukuk yang bertujuan mendapatkan modal melalui konsep sekuriti Islam. Pada masa hadapan, Pasaran Sukuk atau Pasaran Bon Islamik dijangkakan akan terus berkembang maju seiring dengan penerimaan yang baik, bukan sahaja daripada umat Islam tetapi juga daripada orang bukan Islam.

Rujukan:

Elendy, A. (2022, April 12). Pasaran sukuk Malaysia terbesar di dunia. UMMAHToday | Sumber Berita Mutakhir Ummah | From Ummah to Ummah. Retrieved February 19, 2023, from <https://www.ummahtoday.com.my/pasaran-sukuk-malaysia-terbesar-di-dunia/>





BizNewz 2023
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com